



KEMENTERIAN PELANCONGAN, SENI DAN BUDAYA

GARIS PANDUAN KELULUSAN IKLAN UNTUK PAKEJ UMRAH ATAU ZIARAH

1. PENGENALAN

- 1.1 Garis panduan ini bertujuan untuk memenuhi peruntukan Akta Industri Pelancongan 1992 (*Akta 482*) dan Peraturan-peraturan Industri Pelancongan (Perniagaan Pengendalian Pelancongan dan Perniagaan Agensi Pengembaraan) 1992.
- 1.2 Pengendali pelancongan berlesen yang mengandalkan pakej umrah atau ziarah yang ingin mengiklankan pakej umrah atau ziarah perlu mendapat kelulusan Pesuruhjaya Pelancongan (Pesuruhjaya) dan mematuhi semua panduan berkenaan iklan pakej umrah atau ziarah yang dikeluarkan oleh Kementerian.
- 1.3 Maklumat yang terkandung dalam iklan mestilah fakta yang betul dan **TIDAK BOLEH** mengelirukan, palsu atau memperdayakan.
- 1.4 Semua jenis iklan berbentuk lisan atau bertulis, melalui mana-mana jenis media berkenaan tawaran pakej umrah dan ziarah perlu mendapatkan kelulusan Pesuruhjaya.
- 1.5 Pesuruhjaya boleh mengeluarkan atau enggan mengeluarkan apa-apa kelulusan atau boleh menggantung atau membatalkan mana-mana kelulusan yang telah dikeluarkan.

2. SYARAT-SYARAT PERMOHONAN

2.1 Kelayakan **WAJIB** pemohon:

- (a) mempunyai lesen yang sah dalam bidang perniagaan pengendalian pelancongan ke luar negeri bagi umrah atau ziarah; dan
- (b) mempunyai lesen yang masih sah semasa permohonan dikemukakan.

- 2.2 Mempunyai pakej umrah atau ziarah yang hendak diiklankan;
- 2.3 Syarikat tidak berada dalam tempoh penggantungan di bawah Seksyen 8 Akta Industri Pelancongan 1992 [Akta 482], tiada pendakwaan sedang berjalan terhadap syarikat, tiada sebarang kompaun yang tertunggak di bawah Akta 482 atau Akta Pelesenan Kenderaan Pelancongan 1999 [Akta 594] (Sabah, Sarawak dan WP Labuan), tiada tunggakan pembayaran “award” Tribunal Tuntutan Pengguna Malaysia (TTPM) dan tiada perintah mahkamah yang masih belum dipatuhi syarikat berhubung kes sivil yang berkaitan dengan transaksi pelancongan.
- 2.4 Setiap kelulusan iklan akan diberi nombor kelulusan IUxxxx dan hendaklah dicetak terus pada iklan berkenaan.
- 2.5 Setiap kelulusan iklan tertakluk kepada Terma dan Syarat yang ditetapkan oleh Pesuruhjaya Pelancongan.

3. PERKARA WAJIB DINYATAKAN DALAM IKLAN

- 3.1 Maklumat perniagaan yang menawarkan perkhidmatan meliputi:
- (a) nama syarikat, alamat syarikat, dan nombor lesen;
 - (b) nombor siri kelulusan pengiklanan;
 - (c) terma dan syarat yang terpakai bagi pakej itu ATAU menyatakan laman web yang membolehkan pelanggan untuk membaca terma dan syarat dengan lebih lanjut;
 - (d) tempoh umrah dan ziarah;
 - (e) bayaran (harga pakej) yang ditawarkan termasuk takaful umrah tiap-tiap jemaah untuk pakej umrah tersebut;
 - (f) jadual perjalanan umrah / ziarah; dan
 - (g) no. telefon yang boleh dihubungi.

4. DOKUMEN YANG DIPERLUKAN

- 4.1 Dokumen yang diperlukan adalah seperti berikut :
- (a) Terma dan Syarat di antara syarikat dan jemaah perlu mengikut Jadual Keempat Peraturan-Peraturan Industri Pelancongan (Perniagaan Pengendalian Pelancongan dan Perniagaan Agensi Pengembaraan) 1992;

- (b) Pakej yang di tawarkan; dan
- (c) Jadual perjalanan pakej yang lengkap.

5. TATACARA PERMOHONAN

- 5.1 Permohonan kelulusan iklan umrah dan ziarah boleh dibuat melalui laman sesawang <https://www.tourlist.gov.my>.
- 5.2 Permohonan kelulusan iklan umrah dan ziarah dikemukakan oleh ibu pejabat syarikat sahaja.

6. PIAGAM KELULUSAN IKLAN

- 6.1 Keputusan permohonan kelulusan iklan pakej umrah atau ziarah akan dimaklumkan dalam **tempoh lima (5) hari bekerja** tertakluk dokumen yang lengkap diterima.

7. TARIKH KUAT KUASA

Garis panduan ini adalah berkuat kuasa mulai **1 JANUARI 2026**.

CARTA ALIR PERMOHONAN KELULUSAN IKLAN PAKEJ UMRAH ATAU ZIARAH

